



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

“KERATAN AKHBAR KESUMA”

KHAMIS
17 Julai 2025



Akhbar	Kosmo!
Tarikh	17 Julai 2025
Ruang	Negara!
Muka Surat	8

ATMC 2025 kukuh komitmen ASEAN lengkap tenaga kerja berkemahiran

PETALING JAYA – Persidangan Pasaran Latihan ASEAN 2025 (ATMC) yang berlangsung di Kuala Lumpur semalam, mencerminkan komitmen kukuh rantau ini dalam memperkasa tenaga kerja serantau dengan kemahiran masa hadapan, seiring transformasi ekonomi pesat.

Anjuran bersama Kementerian Sumber Manusia Malaysia (Kesuma) dan Human Resource Development Corporation (HRD Corp), persidangan itu menghimpunkan lebih 600 peserta terdiri daripada penyedia latihan tempatan dan antarabangsa, penggubal dasar, majikan serta wakil organisasi dari seluruh ASEAN.

HRD Corp dalam kenyataan berkata, ATMC 2025 merupakan satu daripada tujuh inisiatif berimpak tinggi di bawah inisiatif Tahun Kemahiran ASEAN 2025, sempena Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia.

Timbalan Menteri Sumber Manusia Malaysia, Datuk Seri Abdul Rahman Mohamad menekankan keperluan memperkukuh ekosistem penyedia latihan dan tenaga pengajar bagi menjamin daya saing tenaga kerja ASEAN.

“Di seluruh ASEAN, kita sedang menyaksikan kuasa gangguan daripada automasi, kecerdasan buatan, ekonomi digital dan peralihan hijau. Semua ini sedang mengubah industri,



ABDUL RAHMAN (tengah) melakukan gimik pelancaran ATMC 2025 di Kuala Lumpur semalam.

menggugat peranan pekerjaan sedia ada dan mentakrif semula kemahiran yang perlu dimiliki rakyat kita untuk terus maju.

“Untuk mentransformasikan ekonomi, kita mesti mengubah cara kita melatih bakat. Malaysia berbangga untuk menerajui agenda ini di bawah Kepengerusian ASEAN, bagi memastikan sistem latihan kita kekal relevan kepada industri, inklusif dan bersedia menghadapi cabaran masa depan,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi HRD

Corp, Datuk Abu Huraira Abu Yazid berkata, ATMC bukan sahaja bertujuan memperkukuh pembekalan latihan di Malaysia, tetapi juga untuk membina ekosistem serantau yang saling menyokong pertumbuhan ASEAN.

“Kami berasa bangga dapat menampilkan pelbagai inovasi serantau dan perkongsian rentas negara dalam program hari ini.

“Kerjasama dan jalinan yang terbentuk akan memastikan tenaga kerja kita kekal berdaya saing,” katanya.

Harian Metro | Khamis 17.07.2025

@hmetr



HISHAMUDDIN (kiri) bersama Suhara (kanan) menyampaikan faedah kepada Rusmailaili (tengah) ibu kepada atlet angkat berat Sukma Terengganu, Allahyarham Siti Noralyaa (gambar kecil).

Oleh Zaid Salim
sukan@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Ibu kepada atlet angkat berat Sukma Terengganu, Allahyarham Siti Noralyaa Mat Marzuki, 25, sebak apabila mendapat tahu arwah meninggalkan perlindungan kewangan untuk mereka sekeluarga menerusi caruman Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso).

Rusmailaili Samsuri, 43, meluahkan rasa sedih apabila mengetahui arwah menderita menghidap kanser payudara tahap empat.

"Rasa sebak dan sedih bila dapat tahu arwah ada tinggalkan sesuatu untuk kami," katanya ditemui pada majlis penyerahan faedah pencen penakat (FPP) dan faedah pengu- rusan mayat (FPM) oleh Perkeso Terengganu di rumahanya di Taman Batin Perdana, Seberang Takir, di sini, semalam.

Penyerahan skim faedah disampaikan Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Belia, Sukan dan NGO negeri, Hishamuddin Abdul

Hadiah terakhir Noralyaa

Atlet angkat berat tinggalkan perlindungan kewangan untuk keluarga menerusi Perkeso

Karim dan Pengarah Perkeso Terengganu, Suhara Mustaffa.

Rusmailaili berkata, dia dan suami, Mat Marzuki Mat Jusoh, 51, yang bekerja sebagai pemandu lori tidak tahu arwah menghidap penyakit berkenaan sebelum ini.

Menurutnya, mereka sekeluarga mengetahui penderitaan dialami arwah selepas Aidiladha lalu apabila mendapati dia sangat le- mah dan tidak mampu ba- ngun.

"Dia memang tidak ma-

hu ke hospital pada awal- nya kerana ada adik yang masih kecil dan perlukan perhatian.

"Arwah dimasukkan ke hospital pada 14 Jun lalu dan terlantar lebih sebulan sebelum meninggal dunia di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) pada 13 Ju- lai lalu," katanya.

Rusmaili berkata, arwah adalah anak sulung dari- pada enam beradik dan sa- tu-satunya anak dalam ke- maha yang bergelar atlet.

Siti Noralyaa pernah me- rangkul pingat gangsa aca-

ra angkat berat kategori 71 kilogram pada Sukma Kua- la Lumpur 2022, disahkan menghidap kanser payu- dara tahap empat dan me- nerima rawatan di hospita- sejak dimasukkan pada 14 Jun lalu.

Sementara itu, Suhara berkata, Perkeso sentiasa komited dalam menjaga kebajikan dan keselamat- sosial atlet negeri ini.

Katanya, sepanjang dua tahun lalu, seramai 25 atle- menerima bantuan rawa- tan pemulihan termasuk dua pemain Terengganu FC (TFC) yang kini sedang dirawat di Pusat Rehabi- litasi Perkeso.

"Ibu bapa serta empa- daripada lima adik arwah layak menerima FPM ber- jumlah RM3,000 dan FPI sebanyak RM897 sebulan yang akan dibayar secar- berkala sehingga adi- bongsunya mencapa- umur 21 tahun yang aka- disalurkan dalam mas- terdekat," katanya.

Dalam pada itu, His- hamuddin berkata, pe- mergian arwah bukan sahaja satu kehilangan besar buat keluarganya malah turut dirasai duni- sukan negeri ini.